

KAUM IBUYANG MASYHUR

Permaisuri Zubaydah

Zubaydah binti Ja'afar bin al-Mansur ialah permaisuri Khalifah Harun al-Rashid yang masyhur.

Permaisuru Zubaydah terkenal seorang yang cantik parasnya, bijaksana dan dermawan yang banyak jasanya kepada orang ramai. Kisahnya berangkat menuaikan haji dan derma kebajikannya yang telah ditaburkannya perjalanan itu telah ditulis orang dengan banyaknya dalam lipatan tarawikh.

Permaisuri Zubaydah telah mencapai setinggi-tinggi

\$3.50 – p). Zubaydah telah mengalirkan air itu dari

kemasyhuran di dalam sejarah Islam kerana beberapa

gunung-ganang bandar Mekah sejauh kira-kira 10 batu

keistimewaan. Selain daripada seorang permaisuri

dengan menggunakan pekerja-pekerja memahat dan menebuk batu

yang kaya raya dan dermawan ia seorang titisan

Khusyukkah solat tuan?

khalifah-khalifah Islam turun-temurun. Ayahandanya seorang putera

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan

khalifah, memandanya al-Mahdi seorang khalifah, suaminya

dahi di bumi, rasakanlah kehinaan diri bahawa

Harun al-Rashid semasyhur-masyhur khalifah-khalifah bani ‘Abbas, dan

kita ini berasal dari setitik air yang hanyir

puteranya al-Amin seorang khalifah juga.

dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang

Salah satu daripada jasanya yang telah menghidupkan

tidak ada harganya” – kata Kiayi Muhammad Hasbi

namanya zaman berzaman, ialah mengalirkan air daripada gunung-

ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan

ganang untuk menjadi air minum penduduk Mekah yang

tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya

kering-kontang. Hairannya ini, yang telah dibelanjakan sebahagian

khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya

besar daripada harta bendanya untuk menjayakannya masih kekal

bacalah ucapan kiayi Muhammad Hasbi.

hingga hari ini di Mekah dan terkenal dengan “ayn

Sujudlah kepada Tuhanmu!

Zubaydah” (mata air yang dialirkan oleh Zubaydah).

Disusun oleh ‘Idrus

Tentang ini Ibn al-Jawziy menulis: Zubaydah telah

Sebuah buku *serial* syarahann 2

mengalirkan air untuk diminum oleh penduduk Mekah

yang diterbitkan oleh Qalam. Senashkah hanya 40 sen

dalam masa mereka mengalami kekurangan air, sehingga terpaksa

sahaja. Ukuran kecil.

mereka membeli air sekandar air dengan satu dinar (kira-kira

yang besar-besar sehingga dapat dibawa ke tengah-tengah bandar Mekah di sisi Masjid al-harām.

Khairatnya Dalam Masa Menunaikan Hajj

Dalam masa ia berangkat ke Mekah menunaikan haji ia telah mendirikan beberapa buah masjid di Tanah Suci dan telah menderma untuk kebajikan penduduk Mekah dan lain-lain kawasan sepanjang perjalanan itu. Menurut catatan tawarikh, jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Permaisuri Zubaydah pada tahun itu untuk menjayakan khairatnya yang banyak itu ialah sejuta tujuh ratus ribu dinar.

Sehingga hari ini masih ada banyak tempat-tempat dan bekas-bekas peninggalan khairat Zubaydah yang menghidupkan namanya turun-temurun, terutama di Baghdad dan di Mekah al-Mukarramah.

Menurut keterangan Ibn Al-Athīr:

Zubaydah telah zahir di bandar Mausil dalam masa ayahandanya - Ja'afar – menjadi pegawai daerah Mausil dalam kerajaan nendanya – Khalifah Abū Ja‘far al-Mansūr.

Zubaydah telah diperisterikan oleh Harūn al-Rashīd pada tahun 165H. Ia sangat dikasihi oleh Harūn al-Rashīd dan dimuliakan bahkan segala kehendaknya sentiasa dipenuhi oleh khalifah yang masyhur itu. Demikian pula kasih dan hormat Zubaydah kepada suaminya. Ia sentiasa menjaga dan memelihara keredaannya. Sepanjang-panjang pemerintahan khalifah Harūn al-Rashīd tinggallah Permaisuri Zubaydah dengan penuh kebesaran dalam istananya di Baghdad. Menurut catitan sejarah, Permaisuri Zubaydah mempunyai seratus orang dayang-dayang yang hafaz Qur’ān dan bila

mereka tadarus beramai-ramai, di istana, kedengaran suara mereka bergema bunyi lebah.

Al-Āmīn dan al-Ma’mūn

Tetapi segala kebesaran dan nikmat hidup yang telah dinikmati oleh Zubaydah telah bertukar menjadi kesengsaraan dan penderitaan setelah khalifah (sultan) Harūn al-Rashīd mangkat dan takhta kerajaan menjadi rebutan puteranya al-Āmīn (yang telah memerintah selama kira-kira 4 tahun kemudian terbunuh dalam perperangan dengan saudaranya sendiri al-Ma’mūn). al-Ma’mūn - anak tiri Zubaydah (ibunya seorang gundik berbangsa Parsi) dengan hasutan dan sokongan orang-orang Parsi telah merampas takhta kerajaan.

Dalam masa inilah Tāhir bin al-Husayn (Parsi), panglima yang memimpin tentera yang dihantar oleh al-Ma’mūn telah dapat mengepung Baghdad dan membunuh khalifah al-Āmīn (putera tua kepada Harūn al-Rashīd dan permaisuri Zubaydah), dan harta benda Zubaydah telah dirampas.

Setelah tamat perang saudara itu, permaisuri Zubaydah telah mengadukan halnya kepada al-Ma’mūn akibat dari perbuatan panglimanya yang tidak berperi kemanusiaan. Akhirnya al-Ma’mūn memerintahkan supaya Permaisuri Zubaydah menduduki istana khas dengan penuh kebesaran seperti sedia kala dengan mendapat wang sara hidup sebanyak seratus ribu dinar setahun.

Permaisuri Zubaydah telah mangkat dan dikebumikan di Baghdad.